

Perpaduan nasional sesuai jadi subjek

BH-19/11/2007

PM mahu pelajar fahami kepentingan hidup harmoni

Oleh Hassan Omar

SUBANG JAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, perpaduan nasional sesuai untuk diperkenalkan di sekolah bagi memastikan pelajar pelbagai kaum menghayati kepentingan perpaduan sebagai tunjang pembentukan negara maju.

Beliau berkata, tanpa perpaduan, tidak mungkin negara mampu mengekalkan kestabilan, apatah lagi muncul negara maju menjelang 2020.

"Idea untuk memperkenalkan perpaduan nasional sebagai subjek di

sekolah memang baik. Dengan perpaduan negara kita stabil dan membolehkan kita hidup kekal harmoni.

"Walaupun negara pernah mengalami peristiwa 13 Mei 1969, ia tidak menjejaskan usaha berterusan kita menjadi negara harmoni dan maju," katanya pada majlis makan malam Ulang Tahun Ke-80 Sekolah Tinggi Bukit Mertajam (HSBM), di sebuah hotel, di sini malam tadi.

Abdullah adalah bekas pelajar sekolah berkenaan. Hadir sama, Presiden Alumni HSBM, S Kulasegaran; Naib Presiden, Shahar Noor; dan Pengetua HSBM, Abu Bakar Muad.

Pada majlis itu, Perdana Menteri

beramah mesra dengan bekas rakan sekolah dan bekas guru yang pernah menabur bakti di sekolah berkenaan. Antaranya ialah guru Bahasa Inggeris, Ong Poh Kee.

Cadangan mengenai perpaduan nasional itu dinyatakan Kulasegaran ketika beliau dan bekas pelajar sekolah berkenaan menikmati makan malam bersama Perdana Menteri. Abdullah berkata, beliau mempunyai beberapa tarikh penting yang harus dirayakan, termasuk ulang tahun HSBM kerana yakin ia memberi manfaat bukan saja kepada beliau, malah seluruh bekas pelajar sekolah itu.

Beliau turut menyorot sejarah ke-

unggulan HSBM dalam bidang sukan seperti pasukan ragbi yang pernah muncul pasukan terbaik di Pulau Pinang.

Abdullah berkata, sejajar sambutan 50 tahun kemerdekaan negara Ogos depan, beliau mahu generasi muda memikul tanggungjawab memajukan negara selepas generasi sebelum ini mengorbankan tenaga dan wang ringgit menuntut kemerdekaan.

Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan RM3.5 juta bagi kerja pembaikan bangunan sekolah berkenaan, termasuk mengekalkan Blok C sebagai warisan sejarah.